



## **GARIS PANDUAN PELAKSANAAN KURSUS PRA-SYARAT UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

### **1.0 PENGENALAN**

- 1.1 Garis panduan ini bertujuan untuk menjelaskan mengenai pelaksanaan kursus pra-syarat yang ditetapkan bagi memenuhi atau melengkapkan keperluan syarat kemasukan program akademik di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).
  - 1.2 Kursus pra-syarat ditawarkan kepada calon pelajar yang
    - 1.2.1 memohon program akademik bukan dalam bidang pengajian terdahulu, atau
    - 1.2.2 tidak memenuhi syarat masuk program akademik, atau
    - 1.2.3 memerlukan pengetahuan tambahan sebelum mengikuti pengajian yang di pilih.
  - 1.3 Kursus-kursus ini bertujuan untuk membantu pelajar menguasai ilmu pengetahuan dan kemahiran yang relevan sebagai persediaan mereka mengikuti pengajian di UTHM.
  - 1.4 Kursus-kursus pra-syarat terbahagi kepada tiga iaitu
    - a. Kursus Jalinan (*Bridging*);
    - b. Kursus Pemulihan (*Remedial*); dan
    - c. Kursus Pengukuhan (*Enhancement*).
- Ringkasan perbandingan kursus-kursus pra-syarat ini ditunjukkan dalam Apendiks 1.
- 1.5 Fakulti/Pusat boleh menggunakan kandungan kursus sedia ada atau membangunkan kursus baharu sebagai kursus pra-syarat.
  - 1.6 Kursus-kursus pra-syarat perlu menggunakan kod kursus khas dan diberikan nilai kredit.

- 1.7 Tempoh pembelajaran dan pengajaran kursus-kursus pra-syarat adalah tertakluk kepada keputusan fakulti/pusat.
- 1.8 Garis panduan ini terpakai kepada calon pelajar prasiswazah dan pascasiswazah UTHM.

## **2.0 PENILAIAN DALAMAN YANG KETAT (*RIGOROUS INTERNAL ASSESSMENT*)**

- 2.1 Fakulti/Pusat perlu melaksanakan penilaian dalaman yang ketat (*rigorous internal assessment*) kepada calon pelajar yang:
  - a. memenuhi syarat kelayakan masuk tetapi bukan daripada bidang yang berkaitan dengan program akademik yang ingin diikuti; atau
  - b. tidak memenuhi syarat khusus kemasukan program; dan/ atau tidak memenuhi syarat kemasukan Bahasa Inggeris yang telah ditetapkan.
- 2.2 Fakulti/pusat perlu menyemak transkrip calon pelajar prasiswazah dan pascasiswazah untuk mengenalpasti keperluan kursus pra-syarat.
- 2.3 Bagi program pascasiswazah, fakulti/pusat:
  - a. perlu menyemak pengalaman pekerjaan calon pelajar (jika ada) dan/atau
  - b. mengadakan sesi temuduga untuk mengesahkan kelayakan calon.

## **3.0 KURSUS JALINAN**

### **3.1 DEFINISI**

- 3.1.1 Kursus Jalinan adalah kursus yang ditawarkan kepada calon yang memenuhi syarat kelayakan masuk tetapi bukan daripada **bidang yang berkaitan** dengan program akademik yang ingin diikuti.
- 3.1.2 Kursus Jalinan dilaksanakan **BUKAN** untuk menggantikan kelayakan kemasukan.
- 3.1.3 Kursus Jalinan boleh terdiri daripada kursus di peringkat pengajian yang setara atau lebih rendah, atau kursus khas yang dibangunkan oleh pemilik program akademik.

3.1.4 Kursus Jalinan tidak perlu mendapat kelulusan pengendalian Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) atau akreditasi Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).

### **3.2 KEPERLUAN**

- 3.2.1 Calon yang dikehendaki mengikuti Kursus Jalinan akan diberikan Tawaran Bersyarat di mana mereka perlu menyelesaikan Kursus Jalinan dalam tempoh yang ditetapkan.
- 3.2.2 Di peringkat Sarjana Muda, Kursus Jalinan ditawarkan kepada contohnya:
- Pelajar lepasan diploma/matrikulasi/STPM/setara daripada aliran yang berbeza dengan program sarjana muda yang dipohon;
  - Pelajar dari laluan akademik yang ingin meneruskan pengajian dalam laluan TVET;
  - Pelajar dari laluan TVET yang ingin meneruskan pengajian dalam laluan akademik.
- 3.2.3 Di peringkat Sarjana dan Kedoktoran, Kursus Jalinan ditawarkan kepada contohnya:
- Pelajar lepasan ijazah pertama dalam bidang yang berbeza dengan bidang pengajian yang dipohon;
  - Pelajar yang mempunyai pengalaman bekerja atau pengalaman pembelajaran terdahulu yang bukan dalam bidang pengajian yang dipohon.
- 3.2.4 Walau bagaimanapun, fakulti/pusat boleh memberikan pengecualian sekiranya pelajar telah mempunyai pengetahuan atau kemahiran minima yang diperlukan untuk menyelesaikan program akademik yang diikuti. Bagi tujuan ini, fakulti perlu melaksanakan penilaian dalaman yang ketat (*rigorous internal assessment*) sebelum pengecualian boleh diberikan.

- 3.2.5 Keperluan Kursus Jalinan untuk seseorang pelajar adalah tertakluk kepada keperluan semasa program akademik di fakulti/pusat.
- 3.2.6 Cadangan Kursus Jalinan bagi seorang pelajar akan dikemukakan oleh pihak fakulti/pusat yang berkenaan dengan jumlah kredit maksimum 12.

### **3.3 PELAKSANAAN**

- 3.3.1 Pelajar perlu mendaftar dan lulus Kursus Jalinan dalam tempoh maksimum **DUA (2)** tahun pengajian dengan kelulusan pihak Fakulti/ Pusat Pengajian.
- 3.3.2 Pelajar bagi mod kerja kursus, industri dan campuran boleh mengikuti Kursus Jalinan yang ditetapkan bersama kursus teras daripada program akademik yang ditawarkan. Walaubagaimanapun, fakulti/pusat boleh meletakkan Kursus Jalinan sebagai kursus prasyarat bagi mana-mana kursus teras yang bersesuaian.
- 3.3.3 Bagi program berbentuk mod penyelidikan, calon perlu menyelesaikan Kursus Jalinan sebelum dibenarkan untuk menghadiri sesi pembentangan cadangan kajian (*proposal defence*).
- 3.3.4 Bagi Kursus Jalinan, pelajar perlu mendaftar kursus sebagai Hadir Wajib dan memperolehi gred Hadir Lulus.
- 3.3.5 Kredit bagi Kursus Jalinan boleh dijadikan kredit tambahan kepada kursus teras dan boleh diambil kira bagi tujuan kredit bergraduat tertakluk kepada kelulusan fakulti/pusat.
- 3.3.6 Sekiranya gagal dalam mana-mana Kursus Jalinan yang diikuti, pelajar boleh memohon peperiksaan khas dalam tempoh yang ditetapkan tidak lebih daripada dua kali.
- 3.3.7 Pelajar yang gagal Kursus Jalinan dalam tempoh yang telah ditetapkan boleh diberikan **Kedudukan Gagal (KG)**.

## 4.0 KURSUS PEMULIHAN

### 4.1 DEFINISI

- 4.1.1 Kursus Pemulihan bertujuan untuk **menyediakan kelayakan setara** kepada calon yang:
- tidak memenuhi syarat khusus kemasukan program; dan/ atau
  - tidak memenuhi syarat kemasukan Bahasa Inggeris yang telah ditetapkan.
- 4.1.2 Kursus Pemulihan tidak perlu mendapat kelulusan pengendalian Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) atau akreditasi Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).

### 4.2 KEPERLUAN

- 4.2.1 Semua permohonan kemasukan ke mana-mana program akademik perlu memenuhi Syarat Umum yang ditetapkan oleh UTHM dan KPT.
- 4.2.2 Fakulti/Pusat perlu melaksanakan penilaian dalaman yang ketat (*rigorous internal assessment*) mengikut prosedur yang ditetapkan sebelum sebarang penawaran boleh dibuat. Setelah melepassi penilaian dalaman, calon boleh diberikan Tawaran Bersyarat dan calon perlu mengikuti serta lulus Kursus Pemulihan.
- 4.2.3 Walau bagaimanapun, keperluan Kursus Pemulihan untuk seseorang calon adalah tertakluk kepada perubahan syarat-syarat kemasukan dari semasa ke semasa oleh pihak fakulti/pusat yang berkenaan dalam sesuatu program akademik.
- 4.2.4 Cadangan Kursus Pemulihan bagi seorang calon akan dikemukakan oleh pihak Fakulti/Pusat yang berkenaan dengan jumlah kredit maksimum 12.

### 4.3 PELAKSANAAN

- 4.3.1 Calon perlu mendaftar dan lulus Kursus Pemulihan dalam tempoh maksimum **DUA (2)** tahun pertama pengajian dengan kelulusan pihak fakulti/ pusat.

- 4.3.2 Pelajar bagi mod kerja kursus, industri dan campuran boleh mengikuti Kursus Pemulihan yang ditetapkan bersama kursus teras daripada program akademik yang ditawarkan. Walau bagaimanapun, fakulti/pusat boleh meletakkan Kursus Pemulihan sebagai kursus prasyarat bagi mana-mana kursus teras yang bersesuaian.
- 4.3.3 Fakulti perlu menetapkan status Hadir Wajib dan calon perlu mendapat gred Hadir Lulus. Namun, Kredit Kursus Pemulihan tidak dikira dalam pengiraan kredit bergraduat.
- 4.3.4 Sekiranya gagal dalam mana-mana Kursus Pemulihan yang diikuti, calon boleh memohon peperiksaan khas tidak lebih daripada dua kali.
- 4.3.5 Calon boleh diberikan **Kedudukan Gagal (KG)** sekiranya:
- tidak mengambil Kursus Pemulihan dalam tempoh yang ditetapkan;
  - tidak menyelesaikan Kursus Pemulihan dalam tempoh yang ditetapkan; atau
  - gagal Kursus Pemulihan.

## 5.0 KURSUS PENGUKUHAN

### 5.1 DEFINISI

- 5.1.1 Kursus ini bertujuan untuk **mengukuhkan pengetahuan dan membantu meningkatkan kefahaman** pelajar dalam meneruskan pengajian sama ada dalam peringkat prasiswazah atau pascasiswazah.
- 5.1.2 Kursus Pengukuhan adalah kursus yang diambil oleh pelajar semasa mengikuti program akademik prasiswazah dan pascasiswazah.

### 5.2 KEPERLUAN

- 5.2.1 Kursus ini ditawarkan kepada pelajar yang telah memenuhi syarat umum dan syarat khusus kemasukan, atau mempunyai latar belakang kelayakan yang berkaitan dengan program

- yang dipohon. Pelajar yang mengikuti kursus ini terdiri daripada calon yang
- memerlukan pengetahuan lanjutan dalam bidang pengajian yang diikuti, atau
  - memerlukan kursus ulangkaji (refresher course) akibat telah lama bergraduat.
- 5.2.2 Cadangan Kursus Pengukuhan bagi seorang calon boleh
- ditentukan oleh pihak fakulti/pusat yang berkenaan; dan/atau
  - berdasarkan kepada inisiatif pelajar.

### **5.3 PELAKSANAAN**

- 5.3.1 Kursus Pengukuhan boleh terdiri daripada kursus sedia ada dari program akademik di peringkat yang setara atau lebih rendah yang tidak melebihi 12 jam kredit
- 5.3.2 Kursus Pengukuhan boleh diambil pada bila-bila masa sepanjang tempoh pengajian, tertakluk kepada syarat dan kelulusan pihak fakulti/pusat.
- 5.3.3 Kursus Pengukuhan boleh didaftarkan sebagai Hadir Sahaja atau Hadir Wajib mengikut situasi:
- Kursus Pengukuhan yang ditetapkan oleh fakulti/pusat perlu didaftarkan sebagai status Hadir Wajib dan perlu mendapat Hadir Lulus, dan boleh digunakan sebagai kredit tambahan bagi tujuan melengkapkan kredit bergraduat.
  - Kursus Pengukuhan atas inisiatif pelajar boleh diambil pada bila-bila masa sepanjang tempoh pengajian, tertakluk kepada syarat dan kelulusan pihak Fakulti/ Pusat Pengajian. Sekiranya kursus tersebut ingin digunakan bagi tujuan melengkapkan kredit bergraduat, pelajar perlu mendaftar sebagai status Hadir Wajib dan mendapat gred Hadir Lulus.

- c. Selain daripada situasi (a) dan (b), Fakulti/Pusat perlu menetapkan status Hadir Sahaja dan mendapat gred Hadir Lulus bagi Kursus Pengukuhan .
- 5.3.4 Calon bagi mod kerja kursus dan campuran boleh mengikuti Kursus Pengukuhan yang ditetapkan bersama kursus teras daripada program akademik yang ditawarkan. Walau bagaimanapun, fakulti/pusat boleh meletakkan Kursus Pengukuhan sebagai kursus prasyarat bagi mana-mana kursus teras yang bersesuaian.

## **6.0 YURAN**

Bayaran yuran dikenakan mengikut kadar semasa yang ditetapkan.

## **7.0 PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB**

### **7.1 Fakulti/Pusat**

- a. Menyediakan Kursus Pra-Syarat.
- b. Melaksanakan penilaian dalaman yang ketat (*rigorous internal assessment*) sebelum sebarang penawaran boleh dibuat.

### **7.2 Pejabat Pengurusan Akademik/Pusat Pengajian Siswazah**

- a. Menguruskan penawaran dan pengambilan pelajar ke dalam program akademik.
- b. Memproses, menjana dan mencetak keputusan akademik pelajar, transkrip dan sijil.

### **7.3 Pusat Teknologi Maklumat**

Menambahbaik sistem sedia ada bagi tujuan penawaran kursus prasyarat.

**7.4 Pusat Pembangunan dan Kecemerlangan Akademik**

- a. Membangunkan garis panduan kursus pra-syarat berdasarkan standard dan pekeliling semasa.
- b. Memantau dan memastikan pelaksanaan kursus pra-syarat mematuhi garis panduan yang telah dibangunkan.

**7.5 Pusat Pembelajaran Berterusan dan APEL**

- a. Menguruskan penawaran Kursus Pra-Syarat.
- b. Memastikan pelaksanaan Kursus Pra-Syarat mengikut standard dan kualiti yang ditetapkan oleh program akademik.

**7.6 Pejabat Bendahari**

Menguruskan pembayaran yuran pelajar yang mengikuti kursus pra-syarat.

## APENDIKS 1

Perkara	Kriteria Kursus Pra-Syarat		
	Kursus Jalinan (Bridging Course)	Kursus Pemulihan (Remedial Course)	Kursus Pengukuhan (Enhancement Course)
Status Kemasukan Calon Pelajar	Memenuhi syarat kelayakan masuk tetapi bukan daripada bidang yang berkaitan dengan program akademik yang ingin diikuti.	Memenuhi Syarat Umum kemasukan tetapi tidak memenuhi Syarat Khusus kemasukan <b>DAN / ATAU</b> Tidak memenuhi syarat kemasukan Bahasa Inggeris	Memenuhi Syarat Umum dan Syarat Khusus kemasukan
Jenis Tawaran	Tawaran Bersyarat	Tawaran Bersyarat	Tawaran Penuh
Jenis Kursus	Kursus di peringkat pengajian yang setara atau lebih rendah tetapi menggunakan kod kursus khas pra-syarat <b>ATAU</b> kursus khas yang dibangunkan oleh pemilik program	Kursus di peringkat pengajian yang setara atau lebih rendah tetapi menggunakan kod kursus khas pra-syarat <b>ATAU</b> kursus khas yang dibangunkan oleh pemilik program	Kursus di peringkat pengajian yang setara atau lebih rendah <b>ATAU</b> kursus khas yang dibangunkan oleh pemilik program
Status Pendaftaran Kursus - Gred Lulus	Hadir Wajib - Hadir Lulus	Hadir Wajib – Hadir Lulus	a) Hadir Wajib – Hadir Lulus jika fakulti/pusat menetapkan kursus pengukuhan

			<p>yang perlu diambil</p> <p>b) Hadir Wajib – Hadir Lulus jika pelajar mahu melengkapkan kredit bergraduat</p> <p>c) Hadir Sahaja – Hadir Lulus bagi situasi selain (a) dan (b)</p>
Tempoh	Perlu mengikuti dan lulus dalam tempoh dua tahun pertama pengajian	Perlu mengikuti dan lulus dalam tempoh dua tahun pertama pengajian	Boleh diambil bila-bila masa sepanjang tempoh pengajian
Kredit Bergraduat	Boleh diambil kira bagi tujuan kredit bergraduat	Tidak dikira dalam pengiraan kredit bergraduat	<p>a) Jika status pendaftaran Hadir Wajib, boleh diambil kira bagi tujuan kredit bergraduat</p> <p>b) Jika status pendaftaran Hadir Sahaja, tidak dikira dalam pengiraan kredit bergraduat</p>